

TAJUK PROJEK: KERANGKA PENGADAPTASIAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DARI SUDUT FILANTROPI OLEH HOTEL PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

AHLI KUMPULAN:

MUHAMMAD SYUKRI MOHD ASHMIR WONG | NUR HAFIZAH HARUN | SHOFIYYAH MOIDIN | NORAZLINA MAMAT



Abstrak

Menurut statistik terkini, sejumlah 724 buah hotel telah berjaya memperoleh sijil halal JAKIM daripada 4683 buah hotel yang mendaftar di Malaysia. Namun, daripada jumlah tersebut hanya beberapa buah hotel sahaja yang boleh diklasifikasikan sebagai Hotel Patuh Syariah (HPS). Pada dasarnya, sesebuah hotel akan dikategorikan sebagai patuh Syariah sekiranya memenuhi keperluan Syariah dari sudut pengurusan operasi, perkhidmatan, penyediaan makanan halal, aliran wang tunai dan juga kemudahan infrastruktur. Namun begitu dalam aspek aliran wang tunai, tanggungjawab sosial korporat (TSK) dari sudut filantropi kurang diberi penekanan dalam penilaian terhadap Hotel Patuh Syariah. Oleh yang demikian, satu kerangka adaptasi dibangunkan bertujuan untuk menilai kriteria-kriteria Hotel Patuh Syariah dari sudut tanggungjawab sosial korporat melalui filantropi. Kerangka ini dibangunkan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian literatur dan dokumen berkaitan pematuhan Syariah dalam pengurusan hotel. Keistimewaan kerangka adaptasi ini adalah dengan menggabungkan elemen-elemen utama dalam prinsip filantropi yang terbahagi kepada dua iaitu kebajikan kewangan dan kebajikan bukan kewangan. Kerangka adaptasi ini dapat memberi impak kepada pembangunan sosio ekonomi yang lebih tersasar terutama kepada golongan-golongan yang layak mendapat bantuan daripada manfaat konsep filantropi. Nilai komersial daripada kerangka ini dapat diadaptasi oleh pengusaha Hotel Patuh Syariah dalam usaha sama melibatkan operasi perkhidmatan kepada sumbangan filantropi. Hasil kajian mendapati bahawa konsep tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi tidak diberi perhatian yang sewajarnya dalam pengurusan dan operasi Hotel Patuh Syariah. Justeru, diharap kerangka ini dapat membantu pengusaha hotel untuk menerapkan konsep tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi dalam operasi Hotel Patuh Syariah.




Pengenalan

Kerangka adaptasi dibangunkan bertujuan untuk menilai kriteria-kriteria Hotel Patuh Syariah (HPS) dari sudut tanggungjawab sosial korporat melalui filantropi. Keistimewaan kerangka adaptasi ini adalah dengan menggabungkan elemen-elemen utama dalam prinsip filantropi yang terbahagi kepada dua iaitu kebajikan kewangan dan kebajikan bukan kewangan. Dalam kerangka konsep ini juga akan menjelaskan hubungan antara HPS dengan komuniti masyarakat melalui medium filantropi yang melalui empat peringkat bermula dari Peringkat 1: Komponen kriteria Hotel Patuh Syariah; Peringkat 2: Pembahagian tanggungjawab sosial korporat; Peringkat 3: Impak kepada pelanggan atau masyarakat dan terakhir Peringkat 4: Kitaran semula antara pelanggan kepada HPS.



Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian literatur dan dokumen berkaitan pematuhan Syariah dalam pengurusan hotel. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis, memeriksa dan memilih data secara sistematik dan objektif bagi menghasilkan satu rangka kerja konseptual mengenai Hotel Patuh Syariah.



Patuh Syariah

Hotel Patuh Syariah yang mengadaptasi kerangka konsep ini juga secara langsung turut memenuhi salah satu keperluan Maqasid Syariah, iaitu Hifz al-Mal yang bermaksud memelihara harta. Konsep filantropi yang sinonim dengan pengurusan dana dan kewangan yang dilihat mampu untuk memberikan impak positif kepada pembangunan ekonomi ummah.

Konsep Hifz al-Mal dalam adaptasi filantropi TSK dilihat mampu menjaga kitaran pulangan terhadap harta dalam kalangan mereka yang diperlukan dan tidak tersasar kepada penyalahgunaan atau pengagihan yang tidak adil. Elemen zakat, sedekah, wakaf dan sebagainya yang diterapkan dalam TSK yang perlu diterapkan di peringkat HPS adalah manifestasi daripada pemahaman penjagaan harta secara syumul sekaligus mampu menjaga aspek maqasid yang lain. Penjagaan dan pengurusan harta yang baik turut memberi impak kepada kesinambungan dan kesejahteraan TSK filantropi dari sudut kebajikan bukan kewangan yang melibatkan sosial, pendidikan, kebudayaan dan rekreasi kepada masyarakat setempat.



Signifikan

Signifikan

Memberikan gambaran yang jelas bagaimana elemen filantropi melalui tanggungjawab sosial korporat dapat diadaptasi dalam pengoperasian Hotel Patuh Syariah.

Impak kepada Sosio-Ekonomi

Hotel Patuh Syariah yang mengamalkan filantropi melalui tanggungjawab sosial korporat seperti yang dicadangkan dalam kerangka konsep ini akan mendapat nilai tambah, justeru menarik minat pelanggan Muslim terutamanya untuk memilih hotel mereka sebagai tempat akomodasi apabila merantau.

Komersialisasi

Kerangka konsep ini berpotensi untuk diaplikasikan dalam pengoperasian Hotel Patuh Syariah.




Originaliti /Novelti

Kerangka tentang filantropi yang dijalankan oleh HPS masih tiada di Malaysia. Oleh yang demikian, kerangka ini akan mengadaptasi kerangka konsep filantropi yang sesuai untuk dijalankan oleh pihak HPS sekaligus menjadi salah satu kriteria baru sebagai kayu pengukur kepada HPS dan kesan kepada komuniti masyarakat. Kerangka TSK filantropi juga mampu memperkasa HPS sebagai entiti untuk mengetengahkan nilai-nilai Islam seperti konsep tolong-menolong (ta'awun), kebajikan (ihsan) dan bertanggungjawab (mas'uliyah) melalui medium perniagaan.



Kerangka Pengadaptasian



Deskripsi Produk

i. Produk pertama yang memperkenalkan potensi adaptasi Filantropi dalam TSK di HPS di Malaysia

- Satu kriteria baharu sebagai kayu pengukur kepada HPS serta memberi impak kepada kebajikan kewangan masyarakat.

ii. Adaptasi filantropi dalam TSK dapat memberikan keseimbangan kesejahteraan dunia dan akhirat

-Zakat, pengurusan wakaf, qard al-hassan dan sebagainya adalah sebahagian daripada bentuk kebajikan kewangan yang perlu disebarikan manfaatnya kepada masyarakat.

-Pemantauan kepada aktiviti TSK agar selari dengan kehendak Syariah dan TIDAK melanggar mana-mana perkara yang dilarang agama.

iii. Membolehkan HPS dikategorikan dalam sektor yang mengikut piawaian Syariah sebenar sama ada dalam bentuk kebajikan bukan kewangan atau kebajikan kewangan

- Adaptasi filantropi TSK dalam HPS mampu memberi kesan pematuhan jangka panjang dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat sekeliling dan menjadikan ianya juga alat untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan perbezaan jurang setempat.



Penerbitan

International Conference on Contemporary Muslim World (ICCMW) 2019
"Mengadaptasi Tanggungjawab Sosial Korporat Dari Sudut Filantropi Oleh Hotel Mesra Muslim: Satu Kerangka Konsep"

International Virtual Conference on Zakat, Waqf, And Islamic Philanthropy (ZAWFI) 2020
"Peranan Tanggungjawab Sosial Korporat dari Sudut Filantropi Dalam Memperkasa Pendidikan di Malaysia"

